



CENDERAHATI: Sabin (empat dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada Kasim (lima dari kiri).

MKIC-UMS mahu jalin kerjasama berimpak tinggi

UB 16.01.2023 P.02

KOTA KINABALU: Malaysian Kuwaiti Investment Co (MKIC) Sdn. Bhd mahu mengadakan pelbagai kerjasama berimpak tinggi bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengerusi Lembaga Pengarah MKIC Datuk Seri Dr. Sabin Samitah berkata, kerjasama itu merangkumi aktiviti penyelidikan dan pembangunan khususnya dalam bidang pertanian dan perladangan.

“Kita juga berhasrat menghantar para kakitangan MKIC mengikuti beberapa program atau kursus di UMS sebagai memberi galakan

untuk perkembangan karier mereka.

“Pada masa sama, kita membuka ruang kepada para pelajar UMS untuk menjalani latihan industri di MKIC selain pelbagai kerjasama lain yang kita boleh laksanakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengetuai rombongan MKIC pada kunjungan dan perbincangan bersama pihak UMS di sini baru-baru ini.

Ahli delegasi MKIC turut disertai beberapa Ahli Lembaga Pengarah antaranya Datuk Mohd Redzuan Hasan, Datuk Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin dan Alan

Abdul Rahim.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor turut mengalu-alukan hasrat kerjasama itu yang disifatkannya amat strategik dan tepat pada masanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah universiti komprehensif, UMS sentiasa dengan tangan terbuka untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya pihak industri.

“Kerjasama dengan MKIC kelak bukan sekadar untuk manfaat kepada para pelajar dan penyelidik UMS, tetapi yang jauh lebih penting ia mampu menyumbang ke-

pada pembangunan komuniti seiring dengan slogan UMS ‘Leading towards Innovative Societies’.

“Ia sekali gus turut mendukung usaha kita untuk membantu Kerajaan Sabah merealisasikan hala tuju Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr. Rosalam Sarbatly; Ketua Pegawai Eksekutif MKIC Mohd Shahrin Mohd Ali; Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat MKIC Azril Aza Azmi, dan Penyelidik-penyelidik kanan UMS.